



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj.Kami : KP/KPPM/7(23)
Tarikh: 29 Disember 2014

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 24 TAHUN 2014
**PENANGGUHAN TARIKH MULA SESI PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN
2015**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan berikutan banjir yang sedang melanda negara, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan ini bersetuju untuk menangguhkan tarikh permulaan sesi penggal persekolahan di seluruh negara bagi tahun 2015 seperti berikut:

- i. bagi sekolah di negeri dalam **Kumpulan A** (Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor) sesi persekolahan yang dijadualkan pada **4 Januari 2015** ditangguhkan ke **11 Januari 2015**; dan
- ii. bagi sekolah di negeri dalam **Kumpulan B** (Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) sesi persekolahan yang dijadualkan pada **5 Januari 2015** ditangguhkan ke **12 Januari 2015**.

3. KPM memutuskan untuk menangguhkan tarikh mula sesi penggal persekolahan tahun 2015 ini dibuat setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:


- i. sekolah-sekolah yang terlibat sama ada sebagai Pusat Pemindahan Sementara atau ditenggelami air akan mengambil masa untuk dipulihkan; dan
- ii. keadaan guru, ibu bapa dan murid yang terlibat dengan bencana banjir, mengambil masa untuk pemulihan dan membuat persiapan persekolahan.

4. Sekiranya keadaan banjir pulih semasa tempoh penangguhan tersebut maka pihak pengurusan sekolah hendaklah menggunakan tempoh itu untuk mengadakan gotong-royong pembersihan kawasan sekolah masing-masing bagi memastikan sekolah selamat, selasa dan sempurna untuk sesi pengajaran dan pembelajaran.

5. Pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YAB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Menteri Pendidikan Malaysia II
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
4. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua Jemaah Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia